

PEROLEHAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TAMAN BOTANI

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG (JTBPP)
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Perolehan penyenggaraan dan pembaikan di Taman Botani dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta prosedur yang berkuat kuasa.



**Jumlah
Semakan
RM351,524**

APA SEPATUTNYA



- Dibuat secara sebut harga
- Perlu mendapat tawaran harga terbaik dan kompetitif

APA YANG BERLAKU


RM95,600

- » Pecah Kecil Perolehan Perkhidmatan Penyenggaraan Pokok

RM27,272

- » Pecah Kecil Perolehan Kerja Penyenggaraan dan Pembaikan Pavilion

**JUMLAH PECAH
KECIL PEROLEHAN
RM122,872**



RUMUSAN AUDIT



Perolehan penyenggaraan dan pembaikan adalah memuaskan. Bagaimanapun, berlaku pecah kecil perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok dan sewaan jentera serta perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan pavilion.

**2 SYOR
AUDIT**

JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG

1. PEROLEHAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TAMAN BOTANI

FAKTA UTAMA

RM2.63 Juta	RM2.55 Juta	RM0.65 Juta
Peruntukan Tahun 2021	Perbelanjaan	Perbelanjaan Penyenggaraan dan Pembaikan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (Taman Botani) dahulunya dikenali sebagai Taman Air Terjun Pulau Pinang telah ditubuhkan oleh pihak British pada tahun 1884. Taman Botani yang terletak di kaki Bukit Bendera, berasal dari tapak kuari granit kemudiannya ditukar menjadi taman flora dan fauna oleh Charles Kurtis, kurator pertama Taman Botani pada mula taman ini dibuka. Pada tahun 2021, Taman Botani telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada tapak rizab biosfera Malaysia yang ketiga oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan turut disenaraikan dalam Rangkaian Rizab Biosfera Dunia.

1.2. Visi Taman Botani adalah bagi menghubungkan manusia dengan alam warisan semula jadi manakala misi pula meliputi aspek pemuliharaan, rekreasi, penyelidikan, pelancongan dan perkhidmatan. Taman Botani berfungsi selaras dengan usaha kerajaan dalam menghargai alam sekitar dan memelihara biodiversiti daripada kepupusan. Sehubungan itu, Taman Botani komited menyediakan perkhidmatan dalam bidang botani dan pemuliharaan, penyelidikan dan pendidikan, hortikultur dan landskap serta rekreasi dan pelancongan.

1.3. Bagi memastikan kawasan persekitaran Taman Botani terpelihara dan memberi keselesaan kepada pengunjungnya, penyenggaraan sekitar taman dan pembaikan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Antara penyenggaraan yang dilaksanakan adalah seperti pemangkasan pokok dan pembersihan kawasan. Selain itu, kerja pembaikan kecil terhadap kemudahan yang terdapat di sekitar Taman Botani juga turut dilaksanakan dari semasa ke semasa. Unit Taman, Taman Botani bertanggungjawab mengurus penyenggaraan dan pembaikan di taman ini.

1.4. Pada tahun 2021, sejumlah RM2.55 juta daripada RM2.63 juta peruntukan yang diterima daripada Kerajaan negeri telah dibelanjakan oleh Taman Botani melibatkan RM1.49 juta perbelanjaan mengurus dan RM1.06 juta perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM0.65 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PENYENGGAARAAN DAN PEMBAIKAN DI TAMAN BOTANI BAGI TAHUN 2021

JENIS PERUNTUKAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PENYENGGAARAAN DAN PEMBAIKAN (RM Juta)
Mengurus	1.56	1.49	0.52
Pembangunan	1.07	1.06	0.13
JUMLAH	2.63	2.55	0.65

Sumber: Jabatan Taman Botani Pulau Pinang

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan bagi penyenggaraan dan pembaikan di Taman Botani telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan meliputi perolehan penyenggaraan dan pembaikan di Taman Botani bagi tahun 2021. Semakan Audit telah dilaksanakan terhadap 63 (70%) daripada 90 arahan pembayaran penyenggaraan pada tahun 2021 yang berjumlah RM351,524 di Bahagian Kewangan Taman Botani.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak pesanan tempatan, rekod, laporan, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal turut dilaksanakan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh melalui proses semakan yang dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga Februari 2022. Maklum balas daripada Taman Botani telah diterima pada 18 Mei 2022 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 21 Jun 2022. Maklum balas tambahan telah diterima daripada Taman Botani pada 24 Jun 2022 dan 17 Oktober 2022. Penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pecah Kecil Perolehan Penyenggaraan dan Pembaikan

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan (PK) 2.1 perenggan 1(iii)(a) melarang jabatan dan agensi memecahkecilkan perolehan tahunan bagi mengelak pelawaan sebut harga dan tender. Jabatan hendaklah mematuhi had-had nilai perolehan yang telah ditetapkan oleh peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

4.1.1. Pecah Kecil Perolehan Perkhidmatan Penyenggaraan Pokok Berjumlah RM95,600

- a. PK 2.1 Para 5 menetapkan had nilai bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara pembelian terus. Mengikut PK 2.1 Para 5(ii), setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/ perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang.
- b. Semakan Audit mendapati **10 bayaran perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok termasuk sewaan jentera telah dibuat secara pembelian terus yang sepatutnya dibuat secara sebut harga berjumlah RM95,600**. Penyenggaraan pokok yang dilaksanakan adalah seperti memangkas, menebang dan memotong dahan. Sewaan jentera juga dibuat untuk melaksanakan kerja-kerja pemotongan, pemangkasan dan penebangan pokok di kawasan sekitarnya. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak enam perolehan berjumlah RM76,400 daripada 10 perolehan berjumlah RM95,600 telah dibuat pada bulan Disember 2021. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BAYARAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN POKOK TAHUN 2021

BIL.	NO. BAUCAR/ TARIKH	PERIHAL	AMAUN (RM)
BULAN JUN, OGOS, SEPTEMBER DAN NOVEMBER 2021			
1.	21BVBB0400225 09.06.2021	Bayaran perkhidmatan menebang pokok dan membersihkan kawasan Taman Botani.	2,500
2.	21BVBB0400322 17.08.2021	Bayaran sewaan peralatan dan penyelenggaraan untuk menebang pokok tumbang (kerja segera) di Taman Botani.	5,700
3.	21BVBB0400340 07.09.2021	Bayaran perkhidmatan memangkas dan memotong dahan (5 unit) dengan <i>skylift</i> , roro dan insurans keselamatan.	4,500
4.	21BVBB0400482 11.11.2021	Bayaran untuk kerja penyelenggaraan memangkas dan memotong dahan pokok di <i>lawn</i> Moon Gate dan kuarters.	6,500
JUMLAH			19,200
BULAN DISEMBER 2021			
5.	21BVBB0400533 01.12.2021	Bayaran kerja pemangkasan dan penebangan pokok teduhan di kawasan Taman Botani.	19,900
6.	21BVBB0400532 01.12.2021	Bayaran sewaan jentera untuk kerja-kerja pemotongan pokok tumbang dan rosak di Taman Botani.	7,950
7.	21BVBB0400551 09.12.2021	Sewaan jentera dan peralatan untuk pembersihan kawasan belukar di dalam kawasan Taman Botani.	9,200
8.	21BVBB0400552 09.12.2021	Sewaan jentera berat bagi kerja-kerja pemangkasan dan tebang pokok di Taman Botani.	9,700
9.	21BVBB0400610 21.12.2021	Bayaran sewaan jentera berat untuk memangkas dan menebang pokok di hadapan Moon Gate, Formal Garden dan tapak semeaian pokok di Taman Botani.	19,950
10.	21BVBB0400611 21.12.2021	Bayaran sewaan jentera dan lori untuk kerja-kerja pembersihan jenalu di pokok laluan botani <i>walk</i> , Taman Botani.	9,700
JUMLAH			76,400
JUMLAH KESELURUHAN			95,600

Sumber: Jabatan Taman Botani Pulau Pinang

4.1.2. Pecah Kecil Perolehan Kerja Penyenggaraan dan Pembaikan Pavilion Berjumlah RM27,272

- a. Menurut PK 2.1 Para 6(i), kaedah lantikan terus hanya ditetapkan bagi perolehan kerja. Kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB). PK 2.1 Para 7(iii)(b)(1) pula menetapkan perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga.
- b. Pada tahun 2021, Taman Botani telah melaksanakan 55 perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan terhadap kuarters, pavilion, kemudahan awam dan kawasan persekitaran taman berjumlah RM282,324. Semakan Audit mendapati **dua perolehan kerja bagi tujuan pembaikan kecil di pavilion berjumlah RM27,272 tidak dibuat secara sebut harga**. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAYARAN PEROLEHAN KERJA PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PAVILION

BAYARAN PEROLEHAN KERJA PENYELenggaraAN DAN PEMBAIKAN PAVILION				
BIL.	KERJA	NO. BAUCAR / TARIKH	PERIHAL	AMAUN (RM)
1.	Perolehan Kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan	21BVBB0400591 / 15.12.2021	Bayaran kerja menyelenggara dan pembaikan kecil melibatkan pejabat Pavilion Taman Botani.	19,850
		21BVBB0400637 / 22.12.2021	Bayaran menyelenggara pagar kecil bersebelahan pavilion yang runtuh dan kerja-kerja berkaitan di Taman Botani.	7,422
JUMLAH				27,272

Sumber: Jabatan Taman Botani Pulau Pinang

- c. Pihak Audit dimaklumkan, pecah kecil perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok dan perolehan kerja pembaikan kecil pavilion adalah kerana perancangan perolehan tidak dibuat pada awal tahun. Ini menyebabkan perolehan kerja bagi item yang sama dalam tempoh setahun telah melebihi had nilai yang ditetapkan. Selain itu, pihak Audit mendapati Taman Botani tidak menyediakan peruntukan khas untuk kerja-kerja penyenggaraan pokok yang merupakan aktiviti utama Jabatan. Ini menyebabkan kerja penyenggaraan hanya dapat dilaksanakan apabila terdapat lebih peruntukan pada akhir tahun.
- d. Perolehan yang dibuat secara pecah kecil boleh menyebabkan Taman Botani tidak mendapat tawaran harga terbaik dan kompetitif daripada pembekal lain. Selain itu, persekitaran taman yang tidak dapat diselenggara secara berkala kerana kekurangan peruntukan boleh menjejaskan imej Taman Botani sebagai kawasan pelancongan dan penyelidikan di Pulau Pinang.

4.2. Kod Perbelanjaan Perkhidmatan dan Sewaan Dikenakan Tidak Tepat

- a. PK 1.1 Lampiran A menyatakan Objek Sebagai 24000 (Sewaan) merekodkan semua bayaran berkenaan dengan sewaan sahaja. Objek Sebagai 28000 (Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli) pula merekodkan semua penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibuat oleh pihak swasta dan bukan jabatan sendiri.
- b. Semakan Audit mendapati enam daripada 10 perolehan perkhidmatan penyelenggaraan pokok berjumlah RM62,200 telah dicajkan ke kod yang tidak tepat iaitu OS24000 yang sepatutnya dicajkan ke kod OS28000. Ini kerana sewaan jentera tersebut adalah bersekali dengan tenaga kerja. Maklumat lanjut adalah seperti dalam Jadual 4.

JADUAL 4
KOD PERBELANJAAN PERKHIDMATAN DAN SEWAAN DIKENAKAN TIDAK TEPAT

BIL.	NO. BAUCAR /TARIKH	KOD OBJEK BAYARAN	PERIHAL	AMAUN (RM)
1.	21BVBB0400322 17.08.2021	B0224999	Bayaran sewaan peralatan dan penyelenggaraan untuk menebang pokok tumbang (kerja segera) di Taman Botani.	5,700
2.	21BVBB0400532 01.12.2021	B0224499	Bayaran sewaan jentera untuk kerja-kerja pemotongan pokok tumbang dan rosak di Taman Botani.	7,950
3.	21BVBB0400551 09.12.2021	B0224499	Sewaan jentera dan peralatan untuk pembersihan kawasan belukar di dalam kawasan Taman Botani.	9,200
4.	21BVBB0400552 09.12.2021	B0224499	Sewaan jentera berat bagi kerja-kerja pemangkasan dan tebang pokok di Taman Botani.	9,700
5.	21BVBB0400610 21.12.2021	B0224499	Bayaran sewaan jentera berat untuk memangkas dan menebang pokok di hadapan Moon Gate, Formal Garden dan tapak samaian pokok di Taman Botani.	19,950
6.	21BVBB0400611 21.12.2021	B0224402	Bayaran sewaan jentera dan lori untuk kerja-kerja pembersihan jenalu di pokok laluan botani walk, Taman Botani.	9,700
JUMLAH				62,200

Sumber: Jabatan Taman Botani Pulau Pinang

Maklum Balas Taman Botani pada 18 Mei, 24 Jun dan 17 Oktober 2022

Secara keseluruhannya, pihak Jabatan Taman Botani Pulau Pinang mengambil maklum penemuan Audit berkaitan isu perolehan kerja yang telah dilaksanakan secara pecah kecil dan kesilapan mencajkan kod objek sebagai (OS) yang tidak tepat. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan mengakui kekhilafan yang berlaku adalah kemungkinan disebabkan keadaan dan situasi kecemasan, kekeliruan dalam menyelesaikan masalah berbangkit yang diterima daripada aduan orang awam secara bersemuka, panggilan telefon dan juga e-mel.

Selain itu, faktor kurang pendedahan dalam melaksanakan tatacara perolehan juga menyumbang kepada berlakunya perolehan kerja secara pecah kecil serta penggunaan kod objek sebagai yang tidak tepat. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi, penambahbaikan telah dibuat sepenuhnya bagi tahun 2022 di mana pihak Jabatan telah melaksanakan perolehan secara sebut harga bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan dalam kawasan Taman Botani pada setiap masa.

Pihak Jabatan menitikberatkan kemudahan, keselesaan dan keselamatan pengunjung-pengunjung di Taman Botani pada setiap masa. Maklumat perolehan secara sebut harga bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| i. Perkhidmatan sewaan jentera di Taman Botani | - No. Sebut harga:
JTBPP (S)/01/2022
- Tarikh SST: 26.04.2022 |
| ii. Kerja-kerja menaiktaraf ruang pejabat di bangunan pavilion dan kerja-kerja berkaitan | - No. Sebut harga:
JTBPP (S)/09/2022
- Tarikh SST: 15.08.2022 |
| iii. Menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan am taman di Taman Botani dan kerja-kerja berkaitan | - No. Sebut harga:
JTBPP (S)/11/2022
- Tarikh SST: 29.09.2022 |

Pernyataan Audit	Pecah kecil perolehan telah menyebabkan tatacara perolehan yang ditetapkan tidak dipatuhi dan Taman Botani berisiko tidak mendapat manfaat yang lebih ekonomik dan menguntungkan.
-------------------------	---

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan bahawa perolehan penyenggaraan dan pembaikan di Taman Botani adalah memuaskan. Berlaku pecah kecil perolehan bagi perkhidmatan penyenggaraan pokok dan sewaan jentera serta kerja penyenggaraan dan pembaikan pavilion. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh Taman Botani selepas menerima teguran Audit.

6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

6.1. memastikan perancangan bajet yang teliti dan pemantauan terhadap perbelanjaan yang dilakukan adalah penting bagi mengelakkan berlakunya pecah kecil perolehan dan ketidakpatuhan terhadap pekeling Kerajaan; dan

6.2. meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan terhadap pegawai yang terlibat dengan perolehan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.